

16/06/2005

NOR MOHAMED-DINAR

MALAYSIA BERUSAHA YAKINKAN NEGARA OIC GUNA DINAR EMAS

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) - Menteri Kewangan Kedua Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata Malaysia sedang berusaha meyakinkan negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk menggunakan dinar emas sebagai langkah mengurangkan pergantungan kepada dolar Amerika.

Beliau berkata Malaysia kini sedang berbincang dengan beberapa negara OIC untuk melaksanakan penggunaan matawang tersebut.

"Perkara ini agak kompleks dan kita kena buat selangkah demi selangkah dan kita bekerja kuat untuk meyakinkan negara OIC, secara dua hala untuk menggunakan dinar emas. Kita akan berikhtiar untuk berbuat demikian. Kita anggap ini sebagai satu hasrat murni," katanya semasa ditemuramah dalam rancangan 60 Minit Bersama Menteri di TV1 lewat malam semalam.

Ditanya samada Malaysia akan membangkitkan perkara itu di mesyuarat Bank Pembangunan Islam (IDB) yang akan berlangsung minggu hadapan, Nor Mohamed berkata mesyuarat itu adalah satu peluang keemasan untuk memikirkan cara-cara meningkatkan hubungan antara negara terutamanya dalam perbankan Islam.

Ia juga kerana Malaysia adalah negara pertama menjurus ke bidang itu.

"Mungkin kita lupa pada tahun 1983, Tun Mahathir Mohamad telah membuat keputusan untuk mewujudkan sebuah bank Islam dan pada masa itu tiada negara lain yang berani untuk mewujudkan perbankan Islam sebab mereka takut," katanya.

Hari ini, perbankan Islam merangkumi 10 peratus jumlah aset perbankan negara dan diunjur meningkat kepada 20 peratus pada 2010, katanya, sambil menambah beliau yakin sasaran itu boleh di capai.

"Kita mempunyai banyak pengalaman dalam perbankan Islam dan kita boleh berbincang dan memberi latihan dan juga nasihat kepada negara-negara lain. Malaysia sahaja yang mempunyai dwi-sistem, Islam dan konvensional dan kedua-duanya mempunyai prasarana yang canggih, lengkap dan sofistikated," katanya.

Menurut beliau, negara-negara lain seperti Sudan dan Iran juga mempunyai perbankan Islam manakala ada negara-negara lain yang turut mempunyai perbankan Islam tetapi dipinggir dan bukan berada dalam "arus perdana" dan ada juga yang langsung tidak mempunyai sistem itu.

"Kita mempunyai sistem yang unik dan kita berharap sistem perbankan Islam semakin lama semakin kukuh di negara ini berbanding sistem konvensional," katanya.

Beliau turut menyatakan mesyuarat IDB yang dihoskan oleh Malaysia buat kali kedua ini penting dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi hubungan usahasama.

Nor Mohamed berkata, jika di lihat dari segi perdagangan sesama negara Islam ia menyumbang hanya 12 peratus berbanding perdagangan negara Islam dengan bukan Islam yang berjumlah lapan kali ganda.

"Ini satu yang amat mengecewakan," katanya. -- BERNAMA

MAS ZK